



**TEKS UCAPAN
YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NM BIL.4/2021 DAN
AMANAT KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**TARIKH:
20 APRIL 2021 (SELASA)**

**TEMPAT:
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)**

Bismillahirrahmanirahim

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara pengacara majlis pada pagi ini;
Saudari Norshafarina Binti Ismail selaku pengacara majlis daripada
Bahagian Teknologi Pemprosesan Sinaran.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan
Teknologi)

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal)

YANG BERUSAHA DR. CHANTARA DEVI RATNAM

Pengarah Kanan Program Perkhidmatan Pengurusan dan Pentadbiran

YANG BERUSAHA EN. MOHD. SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

Pengarah-pengarah bahagian,

pengurus-pengurus,

Ketua Ketua Seksyen dan Ketua Ketua Sektor

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat
walafiat di bawah Rahmat Allah sentiasa.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas izin dan limpah kurniannya, dapat sekali lagi kita berhimpun bagi Perhimpunan Bulanan Bil 4/2021 pada pagi yang penuh keberkatan ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang istiqomah hadir perhimpunan pagi ini yang diadakan secara hibrid.
3. Terima kasih juga kepada Bahagian Teknologi Pemprosesan Sinaran yang menjadi tuan rumah (host) bagi Perhimpunan pagi kali ini.
4. Di kesempatan ini juga, saya mewakili seluruh warga Nuklear Malaysia ingin merakamkan sekalung tahniah di atas pelantikan YBrs. Dr Abdul Rahim bin Harun sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi) dengan memangku Gred Utama C serta YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Program Perkhidmatan Teknikal) dengan memangku Gred Utama C berkuatkuasa pada 12 April 2021 dan juga YBrs. Dr. Faridah binti Mohamad Idris yang telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal yang baharu mulai 16 April 2021.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia (NM) yang saya kasihi sekalian.

5. Dalam surah Al-Baqarah, ayat 183 dianjurkan tentang kewajipan berpuasa bagi umat islam seperti mana yang tertulis “ Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa ”
6. Alhamdulillah, Bulan Ramadhan al-mubaraq yang bermula 13 April 2021 yang lalu dapat disambut sekali lagi oleh kita semua. Justeru, belum terlambat bagi saya untuk mengucapkan selamat berpuasa dan selamat berbuka sempena Ramadhan 1442 Hijrah kepada warga Nuklear Malaysia yang beragama Islam.
7. Kedatangan Ramadhan adalah ditunggu-tunggu oleh kita kerana di bulan inilah, Allah SWT mengurniakan pelbagai rahmatnya. Umat islam berpeluang untuk menggandakan ibadat samada yang sunat dan juga yang fardhu.
8. Di dalam Surah Al-Qadr 97 , ayat 3 ada menyatakan tentang malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Jadi marilah kita untuk bersama-sama mengejar keberkatan malam yang hanya dapat diperoleh di dalam bulan mulia Ramadhan sahaja.
9. Suka juga saya untuk berpesan di sini baik untuk diri saya serta tuan –tuan dan puan-puan semua agar sama-sama kita memperbanyakkan sedekah selain daripada ibadah dan amal jariah.

10. Justeru, Ramadhan akan mendidik kita dengan sifat dedikasi dalam melakukan kerja dan tugas harian yang diamanahkan, sabar serta bertolak ansur dengan rakan taulan ketika menjalankan tugas seharian.—Ramadhan bukanlah penghalang untuk kita, penjawat awam menjadi malas, leka atau cuai.
11. Ambillah peluang ramadhan ini untuk muhasabah dan mentarbiah diri supaya memiliki jiwa dan hati selari dengan ajaran agama kita. Secara tidak langsung saya percaya, Ramadhan akan meningkatkan kekuatan rohani dan integriti individu yang akan dizahirkan ketika melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan.

SAMBUATAN HARI BUMI SEDUNIA

12. Perhimpunan pada kali ini bertemakan Hari Bumi bersempena dengan Sambutan Hari Bumi yang diraikan pada 22 April setiap tahun. Hari Bumi adalah satu acara tahunan yang disambut oleh masyarakat di 192 negara seluruh dunia. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan orang awam dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.
13. Sambutan Hari bumi kali ini merupakan sambutan kedua seiringan dengan krisis penularan COVID-19. Salah satu peringatan dan langkah kecil untuk kita menyambut hari bumi ketika krisis COVID-19 ini adalah dengan membuang pelitup muka di tempat sewajarnya dan bukan sewenang-wenangnya membuang di merata tempat tanpa menghiraukan bahaya. Sebagai contohnya, selepas menggunakan pelitup muka yang jenis *disposable mask* melepaskan tali pengikat yang ada di pelitup muka. Secara tidak

langsung ianya dapat menyelamatkan hidupan sekitar seperti hidupan laut. Ini secara tidak langsung, dapat menyelamatkan manusia bahkan alam juga.

14. Sehubungan itu, bertepatan dengan tema Sambutan Hari Bumi pada tahun ini iaitu Pulihkan Bumi Kita, saya menyeru agar warga Nuklear Malaysia jadikan sambutan Hari Bumi ini sebagai salah satu platform untuk memperkenalkan dan mempergiat penyelidikan berasaskan teknologi nuklear untuk kelestarian alam termasuk kajian menangani kesan perubahan cuaca seperti kajian yang di jalankan di BTS iaitu teknologi sinaran sebagai kaedah rawatan pencemaran air dan udara. Ini secara tidak langsung, dapat memupuk penghargaan terhadap persekitaran bumi dan meningkatkan kesedaran untuk melindungi bumi dan alam sekitar. JAGALAH KEBERSIHAN, JAGALAH KEHIJAUAN, NIKMATILAH KEINDAHAN

PROGRAM VAKSINASI NEGARA

15. Bagi menyokong pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang bermula pada Februari 2019 lalu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Nuklear Malaysia yang telah membuat pendaftaran untuk menerima imunisasi. Ingin saya tegaskan di sini kepada yang masih belum mendaftar untuk imunisasi tersebut, hendaklah berbuat demikian secepat mungkin. Laksanakan tanggungjawab kita untuk mengambil suntikan vaksin ini demi melindungi diri dan orang sekeliling daripada jangkitan COVID- 19.

16. Sempena sambutan 'World day for safety and health at work' pada 28 April 2021, saya menyeru warga Nuklear Malaysia untuk terus mengamalkan Standard Operating Procedure (SOP) bagi mengekang COVID-19 di tempat kerja terutamanya. Antaranya, pengukuran suhu badan, mendaftar dalam aplikasi MySejahtera dan memastikan penjarakan sosial sentiasa diamalkan sepanjang kita berada di premis tempat kerja kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INTEGRITI MENJALANKAN TUGAS SEMASA PKPB

17. Saya ingin mengingatkan warga Nuklear Malaysia supaya menjalankan amanah sebagai penjawat awam dengan penuh integriti. Perkara ini penting dengan jumlah kehadiran pegawai di pejabat dengan maksimum kehadiran 50%. Maka, perjalanan normal baharu iaitu sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR) yang diamalkan ini hendaklah sentiasa dipatuhi.

18. Warga Nuklear Malaysia diingatkan jangan mengambil kesempatan BDR sebagai peluang bersenang-senang, bersantai atau membeli-belah di pasar raya kerana ia memberi imej buruk kepada perkhidmatan awam. Semua warga Nuklear Malaysia hendaklah menjaga integriti ketika pelaksanaan BDR. Sentiasalah beringat bahawa anda semua adalah penjawat awam yang memegang amanah jabatan dan negara.

AMALAN KERJA YANG KREATIF DAN INOVATIF

19. Saya ingin ingatkan sekali lagi bahawa, warga Nuklear Malaysia perlulah dapat menjayakan tugas dengan daya kreativiti yang tinggi dan mempunyai elemen inovatif.

20. Keperluan ini lebih mendesak kita apabila berkerja dalam suasana normal baru ketika pandemic COVID-19 ini. Oleh itu, elemen IOT, AI dan seumpamanya memainkan peranan dalam memaksa kita menggunakan teknologi ini dalam melaksanakan aktiviti kita, misalnya;

- i. Melaksanakan mesyuarat-mesyuarat utama yang melibatkan keputusan penting secara atas talian.
- ii. Menganjurkan program dan kursus serta seminar melalui aplikasi Zoom, Webinar, Live Facebook dan lain-lain platform termasuk penganjuran iNustec, R&D seminar, Win, Minggu sains negara.
- iii. Untuk akan datang, banyak lagi program utama lain yang boleh diteruskan menerusi pendekatan normal baru ini.
- iv. Sebagai contoh penganjuran Technology Preview Showcase (TPS) yang pastinya berbeza dengan tahun sebelumnya, namun tetap akan dipastikan masih meriah dan mencapai objektifnya dalam persekitaran digital dan mematuhi arahan yang ditetapkan.

21. Maka, saya menggalakan semua warga Nuklear Malaysia berterusan di dalam mempraktikkan kaedah-kaedah baharu ini dan sentiasa memikirkan idea-idea kreatif dan inovatif dalam mengaplikasikan teknologi IOT, AI dan sebagainya.
22. Walau bagaimana pun, perlu diingatkan sebarang pelaksanaan program kaedah di atas talian perlu mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh MAMPU bagi memastikan integriti dan kerahsiaan maklumat terjamin

Hadirin yang saya kasihi sekalian.

SUMBANGAN BTS DALAM PENGEKANGAN COVID-19

23. Seperti mana bahagian lain di Nuklear Malaysia, BTS juga di antara bahagian yang aktif dalam membantu komuniti dengan hasil penyelidikan dan inovasi mereka. Antara produk yang telah dirasai oleh komuniti termasuklah oligokitosan, asap cecair dan arang buluh, river protect, jeti polimer biokomposit, tiang sokongan lada hitam, sangkar nanohybrid biokomposit, bagang terapung biokomposit dan sebagainya.
24. Tidak ketinggalan dalam usaha membantu mengekang penularan COVID-19, BTS juga telah memberi kerjasama dalam penyediaan perisai muka untuk barisan hadapan.
25. Saya dimaklumkan sumbangan penutup muka diberikan kepada Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Sabah sebanyak 6,000 unit. Selain itu, Hospital Kajang, Pusat Komuniti Keningau, Sabah,

sebuah kilang pembuat sanitizer di Kuala Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat juga antara yang menerima sumbangan face shield NM.

26. Selain penghasilan face shield, BTS juga menjalankan kajian penggunaan semula PPE melalui penghasilan kotak UVGI. Penggunaan kotak UVGI ini membolehkan pelitup muka jenis N95 dapat dirawat semula sekurang-kurangnya 10 kali tanpa mengalami penurunan kualiti bahan.

27. Prototaip kotak UVGI ini kini mendapat perhatian syarikat swasta untuk dikomersilkan di mana mesyuarat pertama telah diadakan pada penghujung Mac lalu bagi merangka draf perjanjian kerjasama. Syabas saya ucapkan kepada warga BTS.

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia (NM) yang saya kasihi sekalian.

PROGRAM MINGGU SAINS NEGARA

28. Minggu Sains Negara (2021) telah berlangsung dengan jayanya pada 1 hingga 7 April 2021 yang lalu bertemakan 'Sains Untuk Kesihatan'. Nuklear Malaysia turut terlibat dalam beberapa pengisian antaranya Sembang Santai Saintis Nuklear dalam bidang perubatan dan Simulator RTP, Bengkel Sains Nuklear untuk Guru Sains dan Bengkel Keselamatan Sinaran & Kimia. Saya berharap aktiviti ini akan diteruskan lagi kerana banyak memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

29. Terima kasih saya ucapkan kepada warga Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan acara ini, sama ada langsung atau tidak langsung.

PENUTUP

30. Mengakhiri ucapan saya untuk kali ini, sekali lagi saya ingin menyeru supaya kita sama-sama meneruskan usaha untuk mencapai kecemerlangan dan meningkatkan lagi visibiliti Agensi Nuklear Malaysia, bekerja dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap serta meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang.
31. Sekali lagi saya mengingatkan warga Nuklear Malaysia yang di sayangi supaya sentiasa peka kepada arahan kerajaan dari masa ke semasa, terutamanya ketika pelaksanaan PKP ini.
32. Saya juga mendoakan supaya warga Nuklear Malaysia sentiasa menjaga diri dan kesihatan agar penularan wabak COVID-19 dapat diputuskan.
33. Terima kasih kepada penganjur Perhimpunan Bulanan kali ini, iaitu Bahagian Pemprosesan Sinaran (BTS). Tidak lupa juga kepada semua warga kerja NM yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan kali ini termasuklah Bahagian Khidmat Pengurusan

(BKP) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di atas komitmen yang telah diberikan.

34. Akhir kata, 'Work Safely, Stay Healthy and Be Secured'. Selamat Menjalani Ibadah Ramadhan.

**Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**